

Headline	Karnival BEST di Putrajaya		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	10	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	392 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,408
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,224



# Karnival BEST di Putrajaya

Oleh JUNHAIRI ALYASA  
dan LUQMAN RIDHWAN  
MOHAMED NOR  
berita@kosmo.com.my

**PUTRAJAYA** – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan menganjurkan karnival Buat Elok Saja Tau (BEST) pada 28 hingga 30 Oktober ini untuk memberi contoh kepada para penganjur konsert hiburan di negara ini mengenai tatacara yang harus dipatuhi mengikut ajaran Islam.

Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti Jakim, Saimah Mukhtar berkata, karnival yang akan diadakan di Laman 1Malaysia, Presint 2 di sini itu akan mendedahkan masyarakat mengenai garis panduan yang sepatutnya dipatuhi apabila sesuatu konsert hiburan diadakan.

Melalui karnival tersebut, katanya, Jakim akan mempraktikkan garis panduan mengikut ajaran Islam yang telah diperkenalkan Jakim sejak tahun 2007.

“Matlamat utama kita (Jakim) melalui karnival ini adalah perkongsian ilmu dengan masyarakat.

“Mereka perlu tahu, tidak

salah untuk berhibur tetapi biarlah ia dilakukan mengikut cara yang tidak bercanggah dengan hukum

agama,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran Karnival BEST anjuran Jakim di sini semalam.

Karnival selama tiga hari itu akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti antaranya pertandingan Juara Nasyid BEST, senamrobik, pertandingan mewarna dan pertandingan *Battle of the Band*.

Selain itu, ia turut diserikan dengan aktiviti pameran dan jualan melalui gerai-gerai yang disediakan di tapak karnival bermula pada pukul 9 pagi hingga 10 malam setiap hari.

Dalam pada itu, Saimah berkata, konsert yang akan berlangsung pada hari kedua karnival itu pula akan dimeriahkan dengan kehadiran artis-artis tempatan.

“Antara artis yang telah mengesahkan kehadiran ke karnival berkenaan termasuklah Altimet, Ila Damia Mentor, Fahrin Ahmad, kumpulan nasyid Mestica

dan In-Heart,” ujarnya.

Karnival itu turut mendapat kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Kementerian Belia dan Sukan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis AIDS Malaysia.



LAMAN 1Malaysia di Presint 2, Putrajaya akan menjadi tapak Karnival BEST yang akan berlangsung pada 28 hingga 30 Oktober ini.



SAIMAH (kiri) dan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha (berdiri empat dari kiri) bersama artis-artis yang akan menjayakan Karnival BEST di Putrajaya semalam.

Headline	Karnival BEST di Putrajaya		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	10	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	392 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,408
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,224

## Jadual Karnival BEST

### 28 Oktober (Jumaat)

- 9 pagi hingga 10 malam: Pameran jabatan dan agensi kerajaan serta jualan usahawan halal
- 9 Malam: Rakaman Forum Perdana Ehwal Islam: Cinta BEST

### 29 Oktober (Sabtu)

- 9 pagi hingga 10 malam: Pameran jabatan dan agensi kerajaan serta jualan usahawan halal
- 10 pagi: Pertandingan Juara Nasyid BEST
- 3 petang: Rakaman program *Adik-Adikku*
- 9 malam: Perasmian Karnival BEST oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim

### 30 Oktober 2011 (Ahad)

- 7.30 pagi: Jom Sihat (Senamrobik BEST)
- 9 pagi hingga 10 malam: Pameran jabatan dan agensi kerajaan serta jualan usahawan halal
- 10 pagi: Pertandingan Mewarna
- 12 tengah hari: *Spell It Right*
- 10 pagi: Forum bersama penggiat seni hiburan mengenai Garis Panduan Hiburan Islam
- 2.30 petang: Pertandingan *Battle of the Band*

## Talian Karnival Best

ORANG ramai yang inginkan maklumat lanjut mengenai Karnival BEST boleh menghubungi Jakim pada waktu pejabat di talian **03-8886 4000**.